

20 JUN 1996

Anwar - Bakun

ANWAR BERKATA BELIAU TIDAK MENENTANG PROJEK BAKUN

KUCHING, 20 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau tidak menentang projek hidro elektrik Bakun berharga RM13,600 juta.

Beliau berkata sesetengah pihak mungkin mendakwa beliau menentang Bakun untuk menunjukkan bahawa perbezaan pendapat wujud antara beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditemui pemberita sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan dua hari ke Sarawak, Anwar menyifatkan khabar angin kononnya beliau menentang projek Bakun sebagai karut.

"Perdana Menteri ialah tokoh bapa di negara ini, menjaga kebajikan (rakyat) dengan memberi arahan umum dan Saya kebetulan diamanahkan tanggungjawab berhubung dengan perkara itu," he said.

Anwar berkata beliau perlu menjelaskan kedudukan sebenar dan beliau pasti bersikap tegas dengan para pegawai dan juga dengan Ekran Berhad, pemaju projek Bakun.

"Kebetulan saya bertegas dan berkeras dengan syarikat berkenaan tidak bermakna Saya menentangnya (projek)," kata beliau.

Anwar berkata beliau telah mengarahkan semua agensi kerajaan memberi kerjasama kepada wakil Ekran walaupun mereka harus mematuhi peraturan.

Mereka harus memastikan semua prosedur dipatuhi...tetapi mereka tidak harus menimbulkan apa-apa kesulitan dalam pelaksanaan projek berkenaan, kata beliau.

Beliau berkata kerajaan telah melakukan sebaik mungkin bagi memastikan projek itu diteruskan.

Menurutnya, sehingga sekarang, beliau tidak pasti sama ada projek itu boleh diteruskan tetapi kerajaan akan mendapatkan nasihat perundangan mengenai keputusan mahkamah.

Beliau berkata syarikat berkenaan dan kerajaan sedang mendapatkan penjelasan perundangan mengenaimisu itu tetapi jika bermakna, ia perlu dihentikan, projek berkenaan harus dihentikan.

"Kita harus menghormati undang-undang," katanya.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Rabu memutuskan bahawa perintah retrospektif oleh pihak Persekutuan yang mewakili kuasa kepada pihak berkuasa negeri bagi meluluskan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi projek-projek di Sarawak, adalah tidak sah.

Anwar berkata keputusan mahkamah itu cuma membabitkan soal teknikal dan para pegawai telah diarah untuk membuat remedi.

Ekran juga memberi notis bahawa ia akan mengemukakan rayuan terhadap keputusan itu. -- BERNAMA

AHM CTL FAZ